

05/11/2000

Muslihat di sebalik tindakan Ahli Kongres AS

KIAU kerap dengar pemimpin dan penyokong kerajaan bersungut kata pembangkang salah guna Internet. Mereka kata pembangkang guna Internet untuk sebar fitnah dan cakap bohong.

Kiau hairan macam mana pemimpin dan penyokong kerajaan yang begitu besar bilangannya tak boleh lawan fitnah dan pembohongan Internet macam yang mereka dakwa itu.

Bukankah kerajaan sendiri yang ambil daya utama majukan teknologi maklumat dan telekomunikasi atau ITC (information technology and communications) yang jadi nadi kepada Internet?

Dari awal lagi Kiau dah bagi amaran bahawa Lim Kit Siang ada muslihat apabila dia sokong dasar ITC dan multimedia. Dia nampak peluang yang besar gunakan Internet untuk tujuan politik.

Tuduh dan marah pembangkang saja tak guna. Kalau pemimpin dan penyokong kerajaan mahu, mereka juga boleh guna Internet untuk lawan fitnah Internet. Lawan api dengan api.

Misalnya kalau mereka layari Internet, mereka akan tahu siapa sebenarnya ahli Dewan Perwakilan (Kongres) Amerika Syarikat yang baru-baru ini kemuka ketetapan minta tuduhan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim digugurkan atau bicara semula kes beliau.

Ahli-ahli Kongres itu ialah Christopher H Smith (Parti Republican New Jersey), Robert Wexler (Parti Democratic Florida), Ileana Ros-Lehtinen (R Florida), Tom Lantos (D California), Dana Rohrabacher (R California), Ed Royce (R California), dan Neil Abercrombie (D Hawaii).

Macam-macam maklumat mengenai mereka ada. Bukan maklumat karut atau fitnah tapi maklumat rasmi yang ada dalam laman web Kongres sendiri.

Mereka ini adalah ahli Jawatankuasa Perhubungan Luar Kongres. Apa yang Kiau baca dalam lama web Kongres itu bagi gambaran yang semua mereka ada persamaan dalam tiga bidang.

Pertama, mereka dakwa mereka pejuang hak asasi manusia dan demokrasi. Ini tentulah hak asasi dan demokrasi cara Amerika. Kedua, mereka kaitkan amalan hak asasi dan demokrasi dengan perdagangan. Justeru mereka tentang status Negara Yang Diutamakan (Most Favoured Nation - MFN) yang diberikan kepada China.

Mereka mahu hak ini ditarik balik atas alasan China tidak amalkan demokrasi dan tidak hormat hak asasi ala Amerika.

Ketiga, boleh dikatakan semua mereka sokong dan pertahan Israel. Ini bukanlah perkara asing pasal tidak ada ahli politik Amerika yang selamat kalau tidak sokong Israel dan Yahudi. Pengaruh Yahudi sangat besar di Amerika Syarikat.

Kalau Al Gore menang pilihan raya presiden yang sedang berjalan sekarang, naib presidennya, Joseph Lieberman, seorang Yahudi ortodoks.

Jadi bayangkanlah pendirian yang mungkin mereka ambil terhadap kita. Kita tentu ingat lagi kenyataan Al Gore di Kuala Lumpur mengenai penunjuk perasaan reformasi yang disifatkannya sebagai "the brave people of Malaysia" (rakyat Malaysia yang berani).

Manakala Lieberman pula tentulah tak begitu senang hati dengan pendirian kita yang tegas terhadap Israel dan keengganan kita iktiraf negara Yahudi itu.

Laporan dalam laman web Kongres itu bagi gambaran yang Wexler adalah wira Israel. Dia dipuji kerana menjuarai kempen bebaskan tentera Yahudi yang jadi tawanan perang di negara Arab. Baru-baru ini dia jadi pemedato

utama di persidangan mengenai tawanan perang di Israel.

Danny Eisan, pengerusi gabungan antarabangsa mengenai askar Israel yang hilang dalam peperangan sifatkan Wexler sebagai orang terulung dalam usaha bebaskan Zachary Baumel dan askar Israel yang lain.

Baumel adalah warganegara Amerika yang berkhidmat dengan tentera Israel dan hilang pada tahun 80-an.

Lantos pula terkenal sebagai pejuang hak pengamal hubungan seks sesama jenis dan hubungan seks pelbagai jenis. Dalam bahasa Inggeris, kumpulan ini digolongkan sebagai gay, lesbian, bisexual dan transgender.

Mengikut laporan laman web Kongres, Lantos telah mengadakan satu taklimat penting Kongres mengenai layanan terhadap pengamal hubungan seks sesama jenis pada Ogos 1998. Taklimat itu dianggap sebagai landmark (mercu tanda) mengenai isu berkenaan.

Mac lepas beliau mengetuai perwakilan 30 ahli Kongres mengecam banyak negara, termasuk Rusia, Colombia, Arab Saudi, Singapura, Pakistan, Afghanistan, Yaman, China dan Mexico, kerana menghukum orang yang didapati bersalah mengadakan hubungan sesama jenis.

Pendek kata, Lantos mahu semua negara buat macam Amerika iaitu benarkan perempuan "kahwin" perempuan, lelaki "kahwin" lelaki dan lelaki "kahwin" lelaki dan perempuan sekali harung.

Lantos berkata: "Di Pakistan dan Arab Saudi hukuman ke atas orang dewasa yang melakukan hubungan sesama jenis termasuk sebat manakala di Singapura dan Uganda mereka boleh dikenakan hukuman penjara."

Dalam kenyataan kepada Kongres, Lantos meminta supaya orang gay, lesbian, bisexual dan transgender tidak didiskriminasi atau dihukum kerana mengamalkan cara dan gaya hidup mereka.

Manakala pihak-pihak yang mahu Malaysia dihukum dari segi ekonomi pula mungkin mendapat sokongan daripada Smith. Dia terkenal sebagai pelopor kempen menentang status MFN China atas alasan negara itu tidak hormati hak asasi dan tidak amalkan demokrasi.

Justeru kalau pemimpin dan penyokong kerajaan rajin layari Internet, mereka boleh baca banyak lagi cerita yang seronok mengenai ahli Kongres Amerika. Dengan cara itu barulah mereka faham pemikiran dan tindakan ahli politik Amerika itu.

Macam mana pun, kita janganlah melatah sangat. Resolusi Kongres bilangan 658 itu hanyalah satu percubaan. Dia bukan sahah dan tidak pula menggambarkan pandangan Pentadbiran atau rakyat Amerika keseluruhannya.

Yang kita kena berjaga-jaga ialah ahli Kongres ini tidak peduli kalau tindakan mereka menyebabkan ekonomi kita lemah dan rakyat kita menderita. Mereka tak peduli kalau tindakan mereka jejas keselamatan kita.

Yang penting bagi mereka ialah mereka ada hak kemukakan ketetapan itu, tak kira sama ada kerana mereka betul-betul sokong Anwar atau kerana mereka terlalu bencikan Dr Mahathir.

Marilah kita sama-sama berfikir. Janganlah kerana marahkan nyamuk kita bakar kelambu. Nyamuk belum tentu mati tapi kelambu sudah terbakar. Salah-salah bakar, rumah hangus, anak rentung, harta benda musnah.

(END)